

23 FEB 2002

Aidiladha-Rangkuman

KESEDERHANAAN DAN KEINSAFAN WARNAI SAMBUTAN AIDILADHA

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Aidiladha yang juga dikenali sebagai Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban di kalangan masyarakat negara ini disambut dengan penuh kesederhanaan dan keinsafan.

Umat Islam di ibu kota khususnya yang tidak berpeluang untuk meraikan Aidiladha bersama keluarga di kampung memulakan sambutan dengan menunaikan sembahyang sunat Aidiladha di masjid atau surau berdekatan pada pukul 8.30 pagi tadi.

Dalam tinjauan di sekitar ibu negara hari ini, sesudah selesai menunaikan sembahyang sunat, umat Islam bersama-sama mengadakan ibadah korban sepertimana yang dituntut oleh ajaran Islam.

Ibadah korban yang diadakan itu secara tidak langsung menunjukkan semangat tolong-menolong dan mensyukuri nikmat pemberian Allah.

Daging binatang ternakan yang dikorbankan seperti lembu, kerbau dan kambing itu kemudiannya diagihkan kepada fakir miskin dan jemaah.

Sementara itu di KANGAR, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Abdul Rashid hari ini menyertai ribuan rakyat jelata menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Negeri, Arau.

Baginda berdua yang diiringi pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin dan Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah turut berkenan bersalaman dan beramah mesra dengan para jemaah selepas solat itu.

Baginda berdua kemudiannya berkenan menerima menghadap para pembesar negeri dan rakyat jelata pada majlis rumah terbuka yang berlangsung di Istana Arau selepas menziarahi makam diraja yang terletak berhampiran istana itu.

Antara yang menghadiri rumah terbuka baginda berdua ialah Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Perlis, Datuk Ishak Arshad dan Setiausaha Kerajaan negeri Perlis, Mohayuddin Che Jan.

Rumah terbuka itu yang bermula pada pukul 9.30 pagi dan berakhir pada pukul 11 pagi memberi peluang kepada rakyat untuk bertemu pasangan diraja itu.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin dan kira-kira 2,000 umat Islam hari ini menunaikan sembahyang sunat Aidiladha di Masjid Ladang, di sini.

Menteri Besar Datuk Sri Abdul Hadi Awang, anggota-anggota Exco dan pegawai-pegawai kanan kerajaan juga turut menunaikan sembahyang sunat itu di masjid berkenaan.

Selepas sembahyang itu, baginda dengan diiringi Menteri Besar berangkat menziarahi makam diraja di perkarangan masjid.

DI KUCHING, Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berangkat menunaikan sembahyang sunat di Masjid Jamek di Petra Jaya bersama ribuan umat Islam.

Upacara menyembelih binatang korban diadakan di kebanyakan masjid, surau, kampung dan premis pertubuhan bukan kerajaan (NGO) oleh orang Islam.

Menteri Pertanian Negeri Datuk Seri Adenan Satem menyerahkan daging korban kepada golongan miskin di Bangunan Majlis Islam Sarawak di Jalan P Ramlee dan Menteri Muda Kebajikan Am dan Hal Ehwal Wanita Datin Paduka Sharifah Mordiah di Kampung Samariang Batu.

Badan Kebajikan Anak-Anak Semenanjung Sarawak (Berkesan) turut mengadakan acara sembelihan korban dan rumah terbuka di Rumah Berkesan di Jalan Taman Budaya yang dihadiri oleh Setiausaha Persekutuan Sarawak Datuk

Azman Abdul Rashid.

Di NEGERI SEMBILAN, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar dan Tuanku Ampuan Najihah berkenan menunaikan solat Aidiladha bersama rakyat di Masjid Diraja Tuanku Munawir, Seri Menanti, Kuala Pilah pada pukul 8.30 pagi.

Baginda berdua kemudian mengadakan tahlil di Makam Diraja Seri Menanti sebelum berkenan mengadakan rumah terbuka di Istana Besar Seri Menanti.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad pula mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Kampung Baru Si Rusa, Port Dickson pada pukul 10 pagi.

Di LANGKAWI, Raja Muda Kedah menunaikan sembahyang sunat Aidiladha bersama kira-kira 1,000 jemaah di Masjid A'Ishah Sungai Menghulu di sini.

Baginda kemudian bersalaman dengan rakyat selepas solat selesai, baginda mengadakan korban dua ekor lembu di Masjid Lubuk Chempedak, Kuah.

Sementara itu, Masjid Al Hana Kuah mengadakan korban dua ekor lembu hari ini untuk dibahagikan kepada penduduk miskin.

Manakala Persatuan Ibubapa Sekolah Kebangsaan Kedawang (PIBG), Masjid Kelibang, Masjid Lama Kuah dan Surau Taman Indah Kuah juga akan mengadakan korban lembu.

Di KUANTAN, Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Sultan Ahmad 1 di sini.

Turut bersembahyang di masjid yang sama ialah Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Selepas bersolat, Khalil, yang juga Anggota Parlimen Kuantan menyertai upacara menyembelih tiga ekor lembu korban sumbangan beliau di Surau Kampung Jawa di sini.

Di IPOH, Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah bersembahyang sunat aidiladha bersama-sama kira-kira 2,000 jemaah di Masjid Negeri di sini, pagi ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, ahli-ahli mesyuarat Kerajaan Negeri dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

Juga, beberapa badan kerajaan dan bukan kerajaan mengadakan korban Aidiladha termasuk Puteri Umno Perak yang mengadakan majlis itu di Kuala Kurau, Parit Buntar.

Manakala di JOHOR, Sultan Johor Sultan Iskandar berangkat menunaikan solat Aidiladha di Masjid Pasir Pelangi di Johor Baharu dengan diiringi Tunku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail dan kerabat diraja.

Turut menunaikan solat sunat di situ ialah anggota-anggota exco Kerajaan Negeri yang beragama Islam dan beratus-ratus umat Islam.

Umat Islam di seluruh negeri, khasnya mereka yang menjalankan ibadat korban, beredar ke tempat sembelihan lembu korban masing-masing sama ada di perkarangan masjid atau surau atau kawasan lapang, sebaik selesai menunaikan solat berjemaah.

Selepas sembelihan dijalankan, mereka bekerjasama melapah lembu-lembu itu sebelum dagingnya dibungkus dan dibahagi-bahagikan kepada golongan kurang berada dan jiran terdekat.

Turut meraikan Aidiladha dengan ibadat korban ialah pengendali lebuhraya kedua yang menghubungkan Johor dengan Singapura, Linkedua, dengan pihak berkenaan telah menghadihkan tiga ekor lembu kepada Masjid Taman Perling untuk dikorbankan bagi menghargai sokongan penduduk di kawasan itu.

Di ALOR SETAR, Sultan Kedah dan Sultanah menghadiri sembahyang sunat Aidiladha di Masjid Zahir bersama ribuan jemaah dan kemudiannya berkenan untuk bersalaman dengan para hadirin.

Manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini berada di luar negara menyerahkan empat ekor lembu melalui wakilnya kepada empat buah masjid untuk ibadah korban.

Dr Mahathir yang juga anggota Parlimen Kubang Pasu memperuntukkan lembu-lembu itu kepada masjid-masjid di Kampung Titi Gajah, Kampung Tanjung di Tunjang, Kepala Batas dan Kampung Paya Kechut di Pendang.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sekarang ini berada di luar negara.

Manakala di SHAH ALAM, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah menunaikan sembahyang Aidiladha bersama hampir 10,000 orang umat Islam di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Sesudah menunaikan sembahyang, Sultan Sharafuddin berkenan menerima menghadap para pembesar negeri serta rakyat jelata sebelum menghadiri santapan Aidiladha yang diadakan.

Baginda juga berkenan menyempurnakan ibadah korban yang diadakan perkarangan masjid itu.

Sebanyak 20 ekor lembu termasuk seekor yang didermakan oleh Sultan disembelih sebelum diagihkan kepada jemaah yang hadir dan juga fakir miskin.

Sementara di KOTA BAHARU pula, Sultan dan Raja Perempuan Kelantan bersama umat Islam menunaikan solat sunat berkenaan di Masjid Muhammadi di sini, bermula pukul 8.30 pagi.

Turut menunaikan solat berkenaan di masjid itu ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed.

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pula mengimamkan solat sunat di Masjid Pulau Melaka yang terletak berhampiran rumahnya dan ini menambahkan lagi keceriaan suasana sambutan hari raya dengan tradisi kunjung mengunjung dan kemuncaknya menunaikan ibadah korban.

Penyembelihan dua ekor unta sebagai korban di Masjid Selehor, Kok Keli di Tumpat menarik perhatian ramai kerana ternakan yang terkenal di negara Arab itu jarang dijadikan korban di negeri ini.

Majlis yang turut membabitkan penyembelihan 15 ekor lembu dibuat oleh Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Dasuki Ahmad.

Di KOTA KINABALU, lebih 7,000 umat Islam menunaikan sembahyang sunat Aidiladha di Masjid Negeri di Sembulan dekat sini, manakala sebilangan besar lagi turut bersembahyang di Masjid Bandaraya di Likas, kira-kira lima kilometer dari Masjid Negeri.

Upacara penyembelihan korban akan berlangsung di perkarangan Masjid Negeri pada pagi esok.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam menyertai kira-kira 10,000 muslimin dan muslimat menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Al-Azim, Bukit Palah.

Jemaah kemudian menunaikan solat sunat hajat memohon kepada Tuhan bagi menurunkan hujan memandangkan cuaca panas dan kering di negeri itu. Solat diimamkan oleh Imam Besar Mohamad Hashim.

Manakala di KEPALA BATAS, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyertai kira-kira 3,000 orang umat Islam bersembahyang sunat Aidiladha di Masjid Jamiul Badawi.

Abdullah kemudiannya turut menyaksikan upacara penyembelihan korban di Permatang Bertam, di mana beliau sendiri menyumbangkan sebanyak lapan ekor lembu untuk dikorbankan di kawasan itu.

Beliau juga sempat menyaksikan acara yang sama di Masjid Penaga dan kemudiannya menghadiri majlis kenduri korban di Masjid Pantai Kamloon.

Abdullah turut menyumbangkan masing-masing lima ekor lembu bagi kawasan Penaga dan Pantai Kamloon.

-- BERNAMA

SBS AHM FA DC PR